

EAEC tidak babitkan Australia, New Zealand

HONG KONG, Rabu — Australia dan New Zealand tidak mungkin menyertai Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC) kerana kedua-dua negara itu berlainan identiti budaya, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri menjelaskan keanggotaan EAEC terhad kepada negara Asia Timur dan tidak boleh membabitkan Australia dan New Zealand.

Negara Asia Timur mempunyai satu budaya yang memudahkan hubungan mereka. Saya tidak nampak bagaimana Australia boleh membabitkan diri dengan negara berkenaan, katanya.

Dr Mahathir berkata demikian ketika menjawab soalan wartawan selepas bercakap di majlis makan tengah hari di Kelab Wartawan Asing di sini.

Beliau berkata, baru

baru ini Australia dan New Zealand dijemput menganggotai Kawasan Perdagangan Bebas Amerika Utara (Nafta).

Jemputan kepada kedua-dua negara itu mungkin kerana identiti budayanya. Disebabkan tidak dapat dikaitkan di segi budaya dengan Asia Timur, agak sukar menjadikan Australia dan New Zealand anggota EAEC.

Negara Asia Timur mempunyai persamaan dalam beberapa perkara. Ia bukan hanya masalah kawasan yang sama, tetapi juga perkara budaya.

"Adalah sukar memberi Australia sesuatu tanggungjawab dalam keadaan begini," katanya.

Menjawab soalan mengenai mengapa Amerika Syarikat tidak dibenarkan menyertai EAEC, Dr Mahathir berkata, sebabnya adalah sama seperti Kesatuan Eropah dan Nafta mengetepikan Ma-

laysia.

"Saya tidak fikir Amerika Syarikat mahu menyertai satu masyarakat yang membabitkan Jepun kerana berbanding semua sekatan tarif, kuota dan duti dalam sesebuah pertubuhan yang mana Jepun menjadi anggota, Amerika Syarikat mungkin tidak dapat menghasilkan barangan sendiri.

"Ini kerana Jepun akan menjualkan barangan bermutu tinggi dengan harga yang murah dan ini tidak akan menguntungkan ekonomi Amerika Syarikat.

"Apabila sesebuah pertubuhan perdagangan dibentuk, ia bertujuan menolok sesuatu kumpulan. Ketika ini, pembentukan Nafta tidak membabitkan Malaysia," katanya.

Dr Mahathir berkata, kini dicadangkan Australia, New Zealand dan Taiwan menyertai Nafta.

"Mengapa tidak Jepun

atau seluruh dunia menyertai blok perdagangan. GATT bertujuan mengurangkan sekatan tarif, tetapi pertubuhan serantau terus ditubuhkan dengan mengecualikan sesuatu pihak.

"Sebab Amerika Syarikat tidak boleh menjadi anggota EAEC ialah kerana ia sudah menjadi anggota sebuah blok perdagangan," katanya.

Dr Mahathir juga berkata, Jepun perlu menyertai EAEC kerana jika tidak, negara itu akan ketinggalan.

Pagi ini, pengerusi Cathay Counsellors, Anthony Polsky, dengan diiringi Pengarah Urusan Kinetic Motion Productions, Deborah Grant, menemui Dr Mahathir di rumahnya.

Dr Mahathir menemui Gabenor Hong Kong, Christopher Patten, di Government House di sini.